

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis
DARIPADA : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj
[Sungai Siput]
SOALAN : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan berapa banyak
kilogram ubat serangga 'neonicotinoids' yang
telah dipakai di sektor pertanian Malaysia pada
tahun 2012 dan 2013. Adakah benar ubat
serangga ini boleh menjelaskan prestasi lebah-
lebah dalam proses pendebungaan
(pollination).

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan Laporan Permit Import Racun Makhluk Perosak, sebanyak 376,639 kilogram ubat serangga "neonicotinoid" telah diimport masuk ke Malaysia pada tahun 2012 dan 380,990 kilogram pada tahun 2013. Adalah sukar untuk menentukan kesan racun "neonicotinoid" kepada ekologi dan prestasi lebah sebagai agen pendebungaan kerana terdapat faktor-faktor lain juga yang perlu diambil kira seperti serangan patogen dan spesis invasif yang lain. Namun Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Racun Makhluk Perosak sentiasa mengambil pendekatan berhati-hati dan memantau perkara ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DARIPADA DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bila kerja pembinaan Sekolah Tamil baru di Jln Jalong Sg Siput akan bermula. Adakah Kerajaan menerima cadangan untuk membina Sekolah Rendah Tamil di kawasan Salak Utara, Sg Siput U juga.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan infrastruktur yang terbaik kepada murid termasuklah untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Bagi projek pembinaan SJKT Heewood, Sg. Siput, Perak, KPM pada masa ini dalam proses memuktamadkan reka bentuk.

KPM belum menerima sebarang permohonan bagi membina SJKT baharu di kawasan Salak Utara, Sg. Siput Utara, Perak. Kementerian akan meneliti dengan lebih lanjut akan perkara ini dan sekiranya terdapat justifikasi kukuh, cadangan akan di bawa dalam permohonan RMKe-11 mengikut keutamaan.

**SOALAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN 13/2014**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL
JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

SOALAN : 478

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR & WILAYAH** menyatakan bilangan pekerja dalam ladang-ladang kelapa sawit di kawasan Legap dan Pos Poi, Sungai Siput U, dengan memberi pecahan kaum - Orang Asli, rakyat Malaysia tetapi bukan orang Asli dan pekerja asing.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Dimaklumkan, bahawa sebelum ini projek RPS Legap di kawasan Kampung Jasa, Perak adalah di bawah Pengurusan pentadbiran FELCRA Berhad. Namun pada Disember 2007 keseluruhan peserta Projek tersebut telah menarik diri dan projek ini tidak lagi diurusstadbir oleh FELCRA Berhad.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DARIPADA DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar kursus MBBS ataupun MD pada tahun 2013 dengan pecahan IPTA/IPTS, serta pecahan etnik. Juga beri bilangan dan pecahan etnik pelajar Malaysia yang diberi NOC (Sijil Tiada Bantahan) untuk ikut kursus perubatan di luar negara pada tahun 2013.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah enrolmen pelajar kursus MBBS ataupun MD di IPTA pada tahun 2013 adalah seramai 12,202 orang. Manakala jumlah enrolmen pelajar di IPTS adalah seramai 8,344 orang. Sehubungan itu, sebanyak 1,509 Sijil Sokongan Luar Negara (SSLN)/ No. *Objection Certificate* (NOC) telah dikeluarkan pada tahun 2013.

NOC dikeluarkan kepada semua calon yang memohon dan memenuhi syarat kelayakan minimum yang ditetapkan. Walau bagaimanapun kebanyakan pelajar persendirian tidak memohon NOC kerana NOC tidak dijadikan syarat oleh institusi pengajian tinggi luar negara. Kebanyakan pelajar yang memohon NOC adalah bertujuan untuk mendapatkan pinjaman atau tajaan daripada pihak penaja yang mensyaratkan pelajar mesti memperoleh NOC.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DARIPADA DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa Politeknik-Politeknik kerajaan telah menetapkan peperiksaan pada hari sebelum dan hari selepas Deepavali tahun ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan jadual waktu Peperiksaan Akhir Politeknik Malaysia bagi Sesi Jun 2014 yang telah dikeluarkan pada 22 September 2014, tarikh peperiksaan tersebut telah ditetapkan pada 19 Oktober hingga 7 November 2014. Tarikh ini adalah berdasarkan takwim kalender akademik politeknik yang telah ditetapkan pada setiap tahun yang mana tempoh masa peperiksaan akhir bagi Sesi Jun dilaksanakan pada bulan Oktober setiap tahun. Walau bagaimanapun, memandangkan tarikh perayaan Deepavali tahun 2014 ini jatuh pada 23 Oktober 2014, pihak Kementerian telah menetapkan bahawa pada 22 sehingga 26 Oktober 2014 tiada sebarang peperiksaan dijalankan.

Oleh itu, tidak timbul isu Politeknik-Politeknik menetapkan peperiksaan pada hari sebelum dan hari selepas Deepavali tahun ini. Penetapan tarikh peperiksaan ini juga telah mengambil kira pandangan dan hasil maklum balas yang diterima daripada pensyarah dan pelajar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]
DARIPADA**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan murid yang belajar di sekolah-sekolah swasta dan sekolah antarabangsa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 30 Jun 2014 terdapat seramai 62,152 murid belajar di sekolah-sekolah swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pecahan bilangan murid mengikut jenis sekolah adalah seperti berikut iaitu Sekolah Rendah Akademik (14,402), Sekolah Menengah Akademik (17,647), Sekolah Rendah Agama (19,784), Sekolah Menengah Agama (9,479) dan Sekolah Pendidikan Khas Swasta (840)

Manakala di Sekolah Ekspatriat pula terdapat seramai 4,778 murid. sementara itu terdapat seramai 82,784 murid di Sekolah Menengah Persendirian Cina dan terdapat seramai 41,754 murid di Sekolah Antarabangsa.